

Berita



PASIR GUDANG BANDAR RAYA
INDUSTRI DAN PELABUHAN



EDISI 04

JUL - OGOS 2024

میسیون ۱۴۴۵ھ - صفحہ ۰۴

TERBITAN RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MERDEKA

'COUNTDOWN' PASIR GUDANG



Edisi
Digital

BERITA
MENARIK
DI DALAM

07

CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA MAJLIS
BANDARAYA PASIR GUDANG

>12

MERDEKA 'COUNTDOWN' PASIR
GUDANG

>17

PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS
BANG BANG & MAGIC CHESS
PERINGKAT PASIR GUDANG

ISI KANDUNGAN

M/S

TAJUK

- 04 LAWATAN YAB MENTERI BESAR JOHOR KE LUNA 'LIGHTS WONDERLAND' JOHOR 2024
- 04 SAMBUTAN ULANG TAHUN PETRONAS KE-50 DAN MHB 'RIVER REHABILITATION'
- 05 KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP PERINGKAT PASIR GUDANG PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024
- 06 BENGKEL PENYELARASAN UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING 2024
- 06 MESUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN (JSTP)
- 07 PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
- 07 CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG 2024
- 08 PROGRAM 'LOCAL AGENDA' 21, GOTONG ROYONG BEBAS DENGKI DAN 5R KPKT BERSAMA PENDUDUK ZON CENDANA PASIR GUDANG
- 08 PROGRAM SESI RAMAH MESRA KOMUNITI BERSAMA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024
- 09 MAJLIS PERASMIAN PENUTUP FESTIVAL DINAMIKA HIJAU PASIR GUDANG 2024
- 10 LAWATAN-LAWATAN KERJA AGENSI LUAR KE KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG
- 12 MERDEKA 'COUNTDOWN' PASIR GUDANG
- 13 MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG TAHUN 2024 PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU
- 13 SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU
- 14 JELAJAH MERDEKA 24 ZON AHLI MAJLIS, KONVOI MBPG DISAMBUT MERIAH
- 15 PERTANDINGAN TARIAN ETNIK RAKYAT MALAYSIA SEMPENA PROGRAM SEMARAK KEMERDEKAAN 2024
- 15 PERTANDINGAN PAKAIAN BERAGAM, PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK & PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU PATRIOTIK SEMPENA HARI KEMERDEKAAN TAHUN 2024
- 16 MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI KEJOHANAN BOLA SEPAK LIGA BANDARAYA PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024
- 17 PERTANDINGAN 'MOBILE LEGENDS BANG BANG & MAGIC CHESS' PERINGKAT PASIR GUDANG 2024
- 18 TAYANGAN LAYAR GERGASI, PERLAWANAN AKHIR PIALA FA JDT FC MENENTANG SELANGOR FC
- 18 OPERASI HALANGAN KERUSI MEJA MBPG
- 19 AKTIVITI PENYIARAN STUDIO TV MBPG DAN RADIO DYNAMIC PASIR GUDANG

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Yang Berhormat
Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
Datuk Bandar Pasir Gudang

PENASIHAT

Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar
Setiausaha

EDITOR

Encik Mohd Syafiq Hanis bin Hamli
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

PENGARANG

Cik Nur Liyana Nabilah binti Zulkarnain

PENERBIT

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhammad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sidang Redaksi Berita DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklumbalas, sila kemukakan kepada

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

*Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel. : 07-2547777 | Faks : 07-2515260 | Laman Web : www.mbgp.gov.my*



LANGKAH-LANGKAH BAGI MENCEGAH DAN MENGAWAL BURUNG MERPATI

- 1 Menutup lubang potensi burung untuk masuk dan membuat sarang/tempat tinggal/tempat berteduh dengan memasang penutup lubang atau ruang tertutup menggunakan jaring halus jenis besi atau plastik PVC.
- 2 Memasang bird spikes di sekeliling bumbung atau di lokasi yang berpotensi menjadi tempat burung bertenggek.
- 3 Menghapuskan tempat yang menjadi sumber makanan burung merpati seperti membersihkan tempat yang mempunyai makanan atau sisa makanan sama ada di atas tanah, jalan ataupun di lorong jalanan.
- 4 Memastikan tong sampah yang disediakan sentiasa bertutup rapat, kemas, tidak mempunyai sampah di luar tong dan apa-apa yang mendatangkan kehadiran haiwan terbiasa terutamanya kehadiran burung merpati.
- 5 Tiga (3) rangkaian utama adalah perlu diputuskan dan dijadikan sebagai tanggungjawab bersama dalam menangani masalah kehadiran dan kacau-ganggu burung merpati di kawasan setempat.


www.mbpq.gov.my

mbpq@johor.gov.my

[Majlis Bandaraya Pasir Gudang](#)

[majlisbandarayapg_official](#)

MAJLIS BANDARAYA
PASIR GUDANG



LARANGAN MEMBERI MAKAN

KEPADAHAIWAN

- BERKELIARAN,
- LIAR
- TERBIAR
- BURUNG


www.mbpq.gov.my

mbpq@johor.gov.my

[Majlis Bandaraya Pasir Gudang](#)

[majlisbandarayapg_official](#)

LAWATAN YAB MENTERI BESAR JOHOR KE 'LUNA LIGHTS WONDERLAND' JOHOR 2024

YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor mengadakan lawatan ke program 'Luna Lights Wonderland' Johor 2024 di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang pada 1 Julai 2024.

Pameran lampu ini telah mendapat pengiktirafan daripada Malaysia 'Book of Records' sebagai festival lampu terbesar di Malaysia dengan penggunaan 1.4 juta mentol lampu LED. Pelbagai aktiviti disediakan seperti 5 tema lampu, Ruang Picnic LED, 'Aurora River', Terowong 'Love', 'Starwars' dan 'Avatar', Gerai makanan dan acara permainan serta 'Photo Booth'.



SAMBUTAN ULANG TAHUN PETRONAS KE-50 DAN MHB 'RIVER REHABILITATION'



PETRONAS

Program MHB 'River Rehabilitation' bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Petronas ke-50 tahun telah diadakan di Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd (MMHE West Yard) & Laman Rekreasi Sungai Buluh, Pasir Gudang, Johor Bahru pada 30 Jun 2024.

Program ini merupakan hasil kolaborasi strategik di antara MHB, MBPG dan UTM dengan matlamat untuk memulihara dan meningkatkan tahap kualiti air di Sungai Buluh sekaligus memupuk kesedaran tentang kepentingan penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar di kalangan komuniti setempat.

YB Tuan Ling Tian Soon, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, Encik Mohd Fahmy Yahya, Pentadbir Tanah Johor merangkap wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang dan Pegawai Daerah Johor Bahru serta Tuan Haji Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha, MBPG antara yang hadir ke program tersebut.





KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP PERINGKAT PASIR GUDANG PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan Kejohanan Badminton Tertutup Peringkat Pasir Gudang Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2024. Antara kategori yang dipertandingkan adalah Kategori Regu Lelaki Terbuka, Kategori Regu Campuran Terbuka, dan Kategori Regu Veteran Lelaki Terbuka. Kejohanan telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 13 hingga 14 Julai 2024 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang dengan penyertaan sebanyak 71 Regu bersamaan 131 pemain.

Keputusan Pemenang dan Hadiah adalah seperti berikut:

1. Kategori Beregu Campuran Terbuka

Johan RM1,000.00 - *Jong Chui Phin & Syamsulazhan bin Mohammad Rose*

Naib Johan RM750.00 - *Mohammad Nazhif bin Abdul Hamid & Siti Nadia Binti Atan*

Ketiga Bersama - *Nur Azeren Binti Azmi & Mohd Azwan bin Abdullah*

Ketiga Bersama - *Mohammad Yusry bin Rabu & Nur Wafiyah binti Mohd Nizam*

2. Kategori Beregu Veteran Terbuka

Johan RM1,000.00 - *Murhafes Mukhazir & Zamri bin Ujang*

Naib Johan RM750.00 - *Azlan bin Bachok & Yahya bin Mohd Yusof*

Ketiga Bersama - *Chua Kim Choon & Revlon bin Asmara*

Ketiga Bersama - *Mohd Dahnial bin Hj Yunasri & Rosmi bin Roslan*

3. Kategori Beregu Lelaki Terbuka

Johan RM1,000.00 - *Muhammad Ariffin Nazri bin Md Zakaria & Syamsul Azhan bin Mohammad Rose*

Naib Johan RM750.00 - *Mohammad Yusry bin Rabu & Muhammad Izzat bin Anuar*

Ketiga Bersama - *Mohamad Hikmal bin. Zakaria & Mohd Azwan bin Abdullah*

Ketiga Bersama - *Ewan bin Rahmat & Mohd Anuar bin Selamat Riadi*



YB Dato' Haji Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah menyempurnakan sesi penyampaian hadiah. MBPG mengucapkan tahniah dan syabas kepada para pemenang dan semua yang terlibat dalam menjayakan Kejohanan Badminton Tertutup Peringkat Pasir Gudang Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2024.



BENGKEL PENYELARASAN UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING DAN RUMAH PEMBIAKAN ANJING 2024

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) bertindak selaku tuan rumah bagi bengkel penyelarasan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing 2024 yang telah disertai oleh pegawai-pegawai pihak berkuasa tempatan negeri Johor pada 15 Julai 2024.

Bengkel Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing telah diadakan untuk membincangkan mengenai penyelarasan undang-undang tersebut bagi tujuan pewartaan dan pemakaian di peringkat Negeri Johor. Bengkel tersebut dimulakan dengan perbincangan dan penyemakan perundungan ke atas draf Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing 2024 diikuti dengan perbincangan akhir dan pembentangan setiap kumpulan.


Bengkel yang telah diselaraskan oleh Tuan Nurazam bin Razali, Pegawai Undang-Undang, MBPG turut dihadiri oleh Tuan Maznizam bin Mohd Sapuan, Presiden Persatuan Pegawai Perundungan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. MBPG mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai-pegawai yang hadir dan memberi kerjasama menjayakan bengkel.



MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN (JSTP)

Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran JSTP telah dilaksanakan di ‘Ballroom’ Cempaka Jingga, Menara Aqabah pada 23 Julai 2024.

YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor telah mempengerusikan mesyuarat. Tujuan mesyuarat diadakan adalah bagi membuat penyelarasan antara pembantah dan agensi terhadap beberapa isu yang diperolehi daripada program publisiti dan penyertaan awam yang telah dijalankan terhadap Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Industri Dan Pelabuhan Bandaraya Pasir Gudang dan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Kampung Pinggiran Bandaraya Pasir Gudang. Pindaan laporan kajian akan dilakukan sebelum dibawa ke Mesyuarat SPC bagi tujuan pewartaan.



PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG

PIHAK BERKUASA TEMPATAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) menjalani sesi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) di Menara Aqabah, Pasir Gudang pada 24 Julai 2024.

Puan Nur Halimah binti Mohd Yusoff, Pengarah, Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan telah mengetuai sesi penilaian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4 kriteria utama dan 17 sub-kriteria telah dinilai oleh 7 orang panel pasukan Inspektorat KPPT yang merangkumi aspek Pengurusan, Perkhidmatan-perkhidmatan teras, Pengurusan pelanggan dan Penyertaan Komuniti serta Pandangan Penduduk.

Segala cadangan dan pandangan akan diketengahkan serta diambil maklum demi penambahbaikan masa hadapan.



Serahan hadiah cabutan bertuah cukai harta Majlis Bandaraya Pasir Gudang kepada pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga telah dilaksanakan di Air Terjun Dinamik Pasir Gudang pada 27 Ogos 2024. Penyerahan hadiah telah disempurnakan oleh Dato' Haji Mohd Amin bin Ahmad, Ketua Whip MBPG.

Pemenang tempat pertama dimenangi oleh Encik Daud bin Mahdan, dengan hadiah berupa Motor Yamaha Y15 2024, dan Encik Wong Chen Chuong memenangi Iphone 15 Pro bagi hadiah tempat kedua dan pemenang tempat ketiga Encik Manoj A/L Ravisundram membawa pulang hadiah berupa 'Mountain Bike Cyclone NX'.

PROGRAM 'LOCAL AGENDA' 21, GOTONG ROYONG BEBAS DENGGI DAN 5R KPCT BERSAMA PENDUDUK ZON CENDANA PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah melaksanakan program Gotong Royong Bebas Denggi dan 5R KPCT bersama Penduduk Zon Cendana Pasir Gudang bertempat di Dewan Muafakat Taman Cendana pada 4 Ogos 2024.

Acara program telah dimulakan dengan Taklimat Program Cegah Denggi 5R Zon Cendana di luar dewan oleh Pegawai Kesihatan Daerah Johor Bahru, diikuti simbolik menyambut bulan kemerdekaan melalui kibaran Jalur Gemilang oleh peserta gotong royong serta pelepasan peserta yang disempurnakan oleh YB Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang.

Sebanyak 11 zon yang telah dibahagikan bagi aktiviti-aktiviti pembersihan gotong-royong. MBPG mengucapkan jutaan terima kasih kepada peserta-peserta yang mengambil bahagian melaksanakan aktiviti pembersihan.



PROGRAM SESI RAMAH MESRA KOMUNITI BERSAMA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024



Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah melaksanakan Program Sesi Ramah Mesra Komuniti Bersama Datuk Bandar Pasir Gudang hari ini di Dewan Muafakat Taman Cendana pada 4 Ogos 2024.

Pengisian program telah dimulakan dengan perkongsian ceramah motivasi 'Cakna Jiran Anda' oleh Ustaz Elyas Ismail. Taklimat Pembangunan dan Pencapaian MBPG 2023-2024 turut disampaikan dan diakhiri dengan sesi dialog soal jawab bersama YB, Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang.

MBPG mengucapkan jutaan penghargaan kepada semua yang hadir khususnya wakil dari agensi kerajaan dan swasta serta wakil dari 24 Jawatankuasa Penduduk Zon Pasir Gudang.



MAJLIS PERASMIAN PENUTUP FESTIVAL DINAMIKA HIJAU PASIR GUDANG 2024



Festival Dinamika Hijau Pasir Gudang 2024 melabuhkan tirainya selepas 5 hari berlangsung festival sejak 25 Julai 2024 pada 28 Julai 2024.

Dengan kolaborasi Tourism Johor, Jabatan Landskap Negeri Johor, Joho, Utm dan rakan strategik yang lain, kali pertama penganjuran ini telah menerima pengunjung lebih 150 ribu orang. YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan majlis perasmian dengan disaksikan oleh YB, Tuan Ling Tian Soon, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, Negeri Johor dan YB Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang.

Gimik Perasmian melibatkan pelepasan ikan di akuarium dan pertunjukan percikan bunga api simbolik melengkapkan ekosistem di Pasir Gudang. Acara perasmian turut memperlihatkan penyerahan sijil Malaysia Book of Record di atas pengiktirafan pameran pokok Tanduk Rusa terbesar di Malaysia oleh pihak MBOR kepada MBPG serta penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan sepanjang festival berlangsung.



LAWATAN EKSA POLITEKNIK METRO, JOHOR BAHRU (PMJB) KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) menyambut mesra delegasi lawatan Politeknik Metro Johor Bahru (PMJB) yang diketuai oleh Puan Hamidah binti Ab Rahman, Timbalan Pengarah PMJB pada 4 Julai 2024.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam merangkap penyelaras EKSA MBPG telah memulakan sesi lawatan dengan pembentangan taklimat pelaksanaan EKSA di MBPG. Delegasi turut dibawa melawat ke beberapa buah zon EKSA bagi tujuan pendedahan praktikal.



LAWATAN KERJA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA, SELANGOR KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Selangor telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) pada 27 Ogos 2024. Delegasi MBPJ telah diketuai oleh Puan Mahzura binti Mohd Amin, Timbalan Pengarah (Kesihatan), MBPJ.



Ketua Bahagian Pelesenan, MBPG telah mempergerusikan sesi taklimat dan perkongsian lawatan. Tujuan lawatan tersebut adalah bagi berkongsi idea dan ilmu mengenai pengurusan stor dan penyimpanan bahan kimia yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Awam, Persekutaran dan Pelesenan MBPG dalam meningkatkan prestasi organisasi dan mencapai produktiviti yang cemerlang.

Delegasi turut dibawa melawat ke Stor Bahan Kimia, Pusat Lestari, Muzium Layang-Layang dan Sarang Buaya Pasir Gudang.

KUNJUNG HORMAT SETIAUSAHA POLITIK KEPADA YAB PERDANA MENTERI KE MBPG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) menyambut mesra delegasi lawatan dari Pejabat Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri Bersama Unit Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Tempatan Pejabat Perdana Menteri pada 21 Julai 2024. Datuk Azman bin Abidin, Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengetuai delegasi lawatan.



Sesi lawatan telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha, MBPG merangkap wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang. Pembentangan dan perkongsian mengenai projek-projek pembangunan MBPG telah dibentangkan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan, MBPG.



Turut hadir semasa sesi lawatan, Yang Berhormat Cik Liow Cai Tung, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Johor Jaya. MBPG mengucapkan jutaan terima kasih kepada delegasi dari Pejabat Setiausaha Politik Kepada YAB Perdana Menteri Bersama Unit Wilayah Persekutuan Dan Kerajaan Tempatan Pejabat Perdana Menteri di atas kesudian mengadakan lawatan kerja ke MBPG.

LAWATAN PENANDA ARASAN EKSA JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR (JAINJ) DAN PEJABAT PENDIDIKAN ISLAM DAERAH BATU PAHAT KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) Dan Pejabat Pendidikan Islam Daerah Batu Pahat yang telah diketuai oleh Tuan Haji Johari bin Musa, Pegawai Pendidikan Islam Daerah Batu pahat merangkap Ketua Audit Jawatankuasa Induk EKSA Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Ketua Zon EKSA bagi Pejabat Pendidikan Islam Daerah Batu Pahat telah mengadakan lawatan penanda arasan EKSA ke MBPG.



Sesi lawatan telah melibatkan pembentangan mengenai pelaksanaan EKSA termasuklah kreativiti dan inovasi yang telah diperkenalkan di MBPG oleh Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam merangkap penyelaras EKSA MBPG.

Delegasi telah dibawa melawat ke zon-zon EKSA MBPG seperti Zon Gangsa, Zon Niobium dan Zon Hafnium.

LAWATAN PENANDA ARASAN EKSA MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MBPG menyambut mesra delegasi lawatan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) yang diketuai oleh Puan Hajah Marina binti Rasul selaku Fasilitator EKSA MPAG.

Sesi lawatan dimulai dengan pembentangan taklimat pelaksanaan EKSA termasuklah kreativiti dan inovasi yang telah diperkenalkan di MBPG oleh Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam merangkap penyelaras EKSA MBPG.

Delegasi turut dibawa melawat ke zon-zon EKSA MBPG seperti Zon Argentum, Zon Kuprum, Zon Teknetium, Zon Galium dan Sudut Induk EKSA.



LAWATAN PENANDA ARASAN EKSA PEJABAT JURUTERA DAERAH, JKR DAERAH KOTA TINGGI DAN PEJABAT KADI DAERAH KOTA TINGGI KE MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Pejabat Jurutera Daerah, Jkr Daerah Kota Tinggi Dan Pejabat Kadi Daerah Kota Tinggi telah mengadakan lawatan penanda arasan EKSA di MBPG pada 21 Ogos 2024. Delegasi dari Pejabat Kadi Daerah Kota Tinggi telah diketuai oleh Ustaz Muhd Asil bin Rabe', Penyelaras EKSA Zon Karomah, manakala, delegasi dari Pejabat Jurutera Daerah, JKR Daerah Kota Tinggi telah diketuai oleh Ir. Encik Mohd Shakirin bin Bosra, Fasilitator EKSA Pejabat Jurutera Daerah, JKR Daerah Kota Tinggi.



Sesi lawatan dimulai dengan pembentangan taklimat pelaksanaan EKSA termasuklah kreativiti dan inovasi yang telah diperkenalkan di MBPG oleh Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam merangkap penyelaras EKSA MBPG.

Delegasi turut dibawa melawat ke zon-zon EKSA MBPG seperti Zon Kadmiun, Zon Osmium dan Zon Induk Aras 1.


MERDEKA 'COUNTDOWN' PASIR GUDANG

Warga Pasir Gudang memenuhi Bukit Layang-Layang memeriahkan Merdeka 'Countdown' peringkat Pasir Gudang 2024 pada 30 Ogos 2024. Laungan kemerdekaan sebanyak 3 kali oleh YB Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang tepat jam 12 malam mengiringi Sambutan Ambang Kemerdekaan dengan pelbagai acara dan persembahan dari artis-artis jemputan.

Majlis turut diserikan lagi dengan percikan bunga api. MBPG mengucapkan jutaan terima kasih atas kunjungan warga Pasir Gudang yang telah memeriahkan malam Merdeka 'Countdown'.



MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG TAHUN 2024 PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU



Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Jalur Gemilang 2024 peringkat daerah Johor Bahru telah diadakan di Bukit Layang-Layang Taman Bandar Pasir Gudang pada 18 Ogos 2024. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang merangkak Pegawai Daerah Johor Bahru.

Gimik pelancaran melibatkan pelepasan konvoi dan pemasangan Jalur Gemilang di kenderaan jabatan dan peserta. Sebanyak 106 buah kenderaan terlibat dalam konvoi yang melibatkan 2 buah motosikal Penguatkuasa MBPG, 20 buah motosikal, 16 buah kenderaan jabatan-jabatan daerah dan Majlis Bandaraya, 26 buah kenderaan jemputan agensi Pasir Gudang, 24 buah kenderaan JKPZ, sebuah ambulans MBPG dan kenderaan PDRM yang menjadi pengiring bagi kenderaan terakhir dalam sesi perarakan.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT DAERAH JOHOR BAHRU

Kontinjen perarakan dan perbarisan MBPG berjaya merangkul Johan bagi beberapa kategori semasa Sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 Peringkat Daerah Johor Bahru pada 31 Ogos 2024.

Antara kategori tersebut adalah;

1. *Johan Pakaian Dan Uniform Terbaik Kategori Jabatan Kerajaan*
2. *Johan Perbarisan Terbaik Kategori Jabatan Kerajaan*
3. *Johan Keseluruhan Majlis Perbarisan Dan Perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Johor Bahru 2024*

Sesi penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Tuan Aznan bin Tamin, Penggerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor.





JELAJAH MERDEKA 24 ZON AHLI MAJLIS, KONVOI MBPG DISAMBUT MERIAH

Konvoi Jelajah Merdeka anjuran Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah dijalankan di 24 Zon bermula 24 hingga 25 Ogos 2024. Pasukan konvoi telah dibahagikan kepada 2 kumpulan bermotosikal yang diketuai oleh Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar, Setiausaha, MBPG dan Encik Abdul Malek bin Mohamed, Timbalan Setiausaha MBPG.

Jelajah Merdeka 24 Zon Ahli Majlis turut memperlihatkan acara penyerahan Jalur Gemilang di setiap zon serta hebahan program Semarak Kemerdekaan peringkat Pasir Gudang. Perjalanan acara telah diserikan dengan pelbagai program serta aktiviti yang menyemarakkan semangat patriotisme serta mengekalkan perpaduan antara masyarakat di Pasir Gudang setiap zon. MBPG mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh masyarakat atas sambutan mesra khususnya JawatanKuasa Penduduk Zon masing-masing.



PERTANDINGAN TARIAN ETNIK RAKYAT MALAYSIA SEMPENA PROGRAM SEMARAK KEMERDEKAAN 2024



MBPG telah menganjurkan Pertandingan Tarian Etnik Rakyat Malaysia pada 18 Ogos 2024 bertempat di Dewan Muafakat Masai.

Penganjuran pertandingan ini adalah hasil kerjasama Bahagian Pelancongan Majlis Bandaraya Pasir Gudang bersama Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang. Pertandingan ini yang merupakan tahun ke 2 dianjurkan oleh MBPG telah disertai oleh 16 kumpulan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar, Setiausaha MBPG selaku wakil Rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang.

PERTANDINGAN PAKAIAN BERAGAM, PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK & PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU PATRIOTIK SEMPENA

HARI KEMERDEKAAN TAHUN 2024

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan Pertandingan Pakaian Beragam, Pertandingan Deklamasi Sajak & Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik pada 19 Ogos 2024 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Penganjuran pertandingan ini adalah hasil kerjasama Perpustakaan Awam Pasir Gudang MBPG bersama Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang. Pertandingan ini telah disertai oleh sekolah-sekolah dibawah PPD Pasir Gudang.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan, MBPG

Berikut adalah senarai pemenang:

KATEGORI SEKOLAH RENDAH

1. *Johan RM1000.00 – Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Masai (SJKC Masai)*
2. *Naib Johan RM800.00 – Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Alam*
3. *Ketiga RM600.00 – Sekolah Kebangsaan Masai 4. Saguhati Keempat RM400.00 – Sekolah kebangsaan Taman Scientex*
5. *Saguhati Kelima RM400.00 – Sekolah kebangsaan Kopok*

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH & TERBUKA

1. *Johan RM1000.00 – Sekolah Seni Malaysia, Johor*
2. *Naib Johan RM800.00 – De Bayu Dance Group*
3. *Ketiga RM600.00 – Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang*
4. *Saguhati Keempat RM400.00 – Rentak Ragaman*
5. *Saguhati Kelima RM400.00 – Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Tiram*



Berikut adalah senarai pemenang:

PERTANDINGAN PAKAIAN BERAGAM

- Johan: *Nur Azrin Medina (Sk Kopok)*
 Naib Johan: *Nur Aisy Dalili (Sk Pasir Gudang 4)*
 Ketiga: *Puteri Nur Arisyah (Sk Kota Masai 3)*

PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK

- Johan: *Muhammad Harraz Hakimi (Sk Taman Bukit Dahlia)*
 Naib Johan: *Syafi Thaqif (Sk Kota Masai 2)*
 Ketiga: *Nur Batrisya Masdhia (Sk Taman Cahaya Masai)*

PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU PATRIOTIK

- Johan: *Zuhairah Amanina Farhanah (Sk Kota Masai 2)*
 Naib Johan: *Nur Qaseh Umairah (Smk Taman Johor Jaya 1)*
 Ketiga: *Nur Lidya Insyirah (Smk Taman Pelangi Indah)*

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI KEJOHANAN BOLA SEPAK LIGA BANDARAYA PIALA DATUK BANDAR PASIR GUDANG 2024



Majlis penyampaian hadiah Kejohanan Bola Sepak Liga Bandaraya Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2024 dan Perlawanan akhir Piala FA Liga Bola Sepak Bandaraya Pasir Gudang 2024 telah berlangsung pada 11 Ogos 2024 (Ahad) bertempat di Stadium Bola Sepak Pasir Gudang, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Keputusan pemenang bagi Kejohanan Bola Sepak Liga Bandaraya Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2024 adalah seperti berikut :

- Johan RM15,000.00 - *JB TOMYAM FC*
- Naib Johan RM7,000.00 - *JOHOR PORT FC*
- Ketiga RM3,000.00 - *MBPG FC*
- Keempat RM3,00.00 - *ISKANDAR FC*
- Kelima RM1,000.00 - *JMF FC*
- Keenaam RM1,000.00 - *SENGAT FC ROVERS*
- Ketujuh RM1,000.00 - *ALOYA FC*



Keputusan Penuh Piala FA Liga Bola Sepak Bandaraya Pasir Gudang 2024, pasukan JMF FC (0) - (1) Johor Port FC. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato Asman Shah Bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Johan membawa pulang Hadiah Wang Tunai RM4,000.00 dan piala. Manakala, Naib Johan membawa pulang Hadiah Wang Tunai berjumlah RM2,000.00, medal dan piala. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pemenang dan semua yang terlibat dalam menjayakan Kejohanan Bola Sepak Liga Bandaraya Pasir Gudang Piala Datuk Bandar Pasir Gudang 2024.





PERTANDINGAN 'MOBILE LEGENDS BANG BANG & MAGIC CHESS' PERINGKAT PASIR GUDANG 2024

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan Pertandingan 'Mobile Legends Bang Bang & Magic Chess' Peringkat Pasir Gudang 2024 pada 17 Ogos 2024 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Penganjuran pertandingan ini turut mendapat kerjasama dari Ezsport Management Services dengan kerjasama Egamesport.Asia dan Kelab Sukan Elektronik Empayar Selatan (SEEC). Pertandingan ini yang merupakan tahun ke 4 dianjurkan oleh MBPG telah disertai oleh 32 pasukan dengan penyertaan seramai 192 orang peserta.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Puan Nurul Ashikin binti Haji A. Jabar, Setiausaha MBPG selaku wakil Rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang.

Berikut adalah senarai pemenang:

KATEGORI 'DRAFT PICK' (5Vs)

1. Johan RM2500.00 - *Pasukan Tembok Alpha*
2. Naib Johan RM1500.00 - *Pasukan Southern Empire*
3. Ketiga RM800.00 - *Pasukan GenZ Esport*
4. Keempat RM500.00 - *Pasukan Impunity*
5. Kelima RM200.00 - *Pasukan Dynamic Pasir Gudang Esport*
6. Keenam RM200.00 - *Pasukan Seec Eternals*
7. Ketujuh RM200.00 - *Pasukan Canyon Merah*
8. Kelapan RM200.00 - *Pasukan Latom*

KATEGORI 'MAGIC CHESS'

1. Johan RM200.00 - *Syaiful Syafify*
2. Naib Johan RM150.00 - *Muhd Riduan Hambali*
3. Ketiga RM100.00 - *Muhd Shahmi Iman*
4. Keempat RM90.00 - *Muhd Awan Hakim*
5. Kelima RM80.00 - *Muhd Khaliddwan*
6. Keenam RM70.00 - *Mohd Azizi Azhar*
7. Ketujuh RM60.00 - *Muhd Sufiq*
8. Kelapan RM50.00 - *Daniel Eric Chuo*



TAYANGAN LAYAR GERGASI, PERLAWANAN AKHIR PIALA FA JDT FC MENENTANG SELANGOR FC

MBPG menunjukkan sokongan penuh terhadap pasukan bola kebanggaan, JDT melalui tayangan Layar Gergasi Siaran Langsung Perlawanan Akhir Piala FA menentang Selangor FC di Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang pada 24 Ogos 2024. Orang ramai khususnya warga Pasir Gudang telah membanjiri Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang bagi menyaksikan perlawanan pertama kali JDT menemui pasukan lawan, Selangor FC bagi edisi kali ini.

Jutaan terima kasih di atas sokongan dan sorakan anda semua pada malam ini. Juga, sekalung Tahniah istimewa buat pasukan JDT atas kejuaraan merangkul Piala FA 2024.



OPERASI HALANGAN KERUSI MEJA MBPG



Operasi Halangan Kerusi Meja telah dilaksanakan di kawasan Jalan Siantan 1, 2 dan 3, Taman Bestari Perdana sekitar jam 8 hingga 12 malam pada 21 Ogos 2024.

5 premis telah diperiksa dan dikenakan tindakan sita dan kompaun. Tindakan dilaksanakan dibawah Akta 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Seksyen 46(1)(d) Meletakkan alat guna niaga di siar kaki lima dan tempat awam yang menyebabkan halangan (kerusi dan meja).

MBPG menegaskan agar pemilik-pemilik premis mengikut undang-undang yang telah ditetapkan dalam meletakkan kerusi dan meja gerai agar tiada tindakan undang-undang dikenakan.



AKTIVITI PENYIARAN

STUDIO TV MBPG DAN RADIO DYNAMIC PASIR GUDANG

"BULETIN DYNAMIC PASIR GUDANG EDISI JULAI"**"BULETIN DYNAMIC PASIR GUDANG EDISI OGOS"****"RANGKUMAN KEMENGPEN KIBAR JALUR GEMILANG"****"RANGKUMAN PROGRAM WORLD CLEAN UP DAY 2024"****"RANGKUMAN SAMBUTAN MALAM AMBANG MERDEKA 2024"****"RANGKUMAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT PASIR GUDANG"****"SIARAN LANGSUNG JUALAN LELONG MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG"****"SIARAN LANGSUNG SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT PASIR GUDANG"**



PAUTAN INFORMASI



IMBAS



Majlis Bandaraya Pasir Gudang



majlisbandarayapg_official



Saluran Aduan SISPAA



www.mbgp.gov.my



Saluran Aduan Integriti

LAMAN INFO

Majlis Bandaraya Pasir Gudang



Laman Web:
www.mbgp.gov.my



Talian Am:
07-254 7777



Email:
mbgp@johor.gov.my



MERDEKA 'COUNTDOWN' PASIR GUDANG

